

Bil. S 21

**PERINTAH KASTAM, 2006
(S 39/2006)**

**PERINTAH KASTAM (PERJANJIAN PERDAGANGAN BARANG DALAM
PERJANJIAN RANGKA KERJASAMA EKONOMI KOMPREHENSIF ANTARA
PERSATUAN NEGARA-NEGARA ASIA TENGGARA DENGAN REPUBLIK KOREA)
(PINDAAN) (BIL. 2), 2017**

SUSUNAN PERENGGAN-PERENGGAN

Perenggan

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
 2. Pindaan perenggan 1 dari S 65/2008
-

PERINTAH KASTAM, 2006

(S 39/2006)

**PERINTAH KASTAM (PERJANJIAN PERDAGANGAN BARANGAN DALAM
PERJANJIAN RANGKA KERJASAMA EKONOMI KOMPREHENSIF ANTARA
PERSATUAN NEGARA-NEGARA ASIA TENGGARA DENGAN REPUBLIK KOREA)
(PINDAAN) (BIL. 2), 2017**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 9(1) dari Perintah Kastam, 2006, maka Menteri Kewangan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Kastam (Perjanjian Perdagangan Barang dalam Perjanjian Rangka Kerjasama Ekonomi Komprehensif antara Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara dengan Republik Korea) (Pindaan) (Bil. 2), 2017 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb Januari 2008.

Pindaan perenggan 1 dari S 65/2008

2. Perenggan 1 dari Perintah Kastam (Perjanjian Perdagangan Barang dalam Perjanjian Rangka Kerjasama Ekonomi Komprehensif antara Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara dengan Republik Korea), 2008 adalah dipinda dengan memotong “of the Framework Agreement on Comprehensive Economic Co-operation between the Association of the South-East” dari tiga baris pertama dan menggantikannya dengan “Under the Framework Agreement on Comprehensive Economic Cooperation Among the Government of the Member Countries of the Association of the Southeast”.

Diperbuat pada hari ini 14 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1438 bersamaan dengan 11 haribulan Februari, 2017.

AWANG AHMADDIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN
Setiausaha Tetap,
Kementerian Kewangan,
Negara Brunei Darussalam.